



KENYATAAN SEBUTHARGA



JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor G1** yang berdaftar di Negeri Sembilan dan didaerah Sivil yang sama untuk Kawasan Kerja Sebutharga menyertai tawaran sebutharga ini.

Butir-butir sebutharga adalah seperti berikut :-

No / Tajuk Sebutharga	Kelayakan CIDB		Kawasan Kerja	Tarikh Tutup Sebutharga
	Gred Kelayakan	Pengkhususan		
PHN.NS.SH 34 - 2022 Kerja-Kerja Membaik Pulih Kaunter Tiket Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Gunung Berembun, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus	G1	B04 CE21	Pintu Masuk Gunung Berembun	<u>11/8/2022</u> (Khamis) Tidak Lewat pada jam 12.00 Tghhari

2. Lawatan ke tapak Pembinaan adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen Sebut harga. **WAKIL KONTRAKTOR TIDAK DI BENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK.** Tarikh Lawatan Tapak Adalah Seperti Berikut :-

Tarikh : 8hb Ogos 2022
Hari : Isnin
Masa : 10.30 Pagi
Tempat : Pintu Masuk Gunung Berembun

3. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah mendaftar untuk **Kerja Kerja Pembangunan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan** dengan kadar harga sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)



4. Dokumen Sebutharga ini mula dijual selepas lawatan tapak pada **8hb Ogos 2022 bermula jam 2.30petang** dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)**.
5. Dokumen Sebutharga Hanya Dijual Di Kaunter Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri Sahaja
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan nombor Sebut Harga di sebelah atas sampul surat tersebut dan perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan sebelum atau pada 11hb Ogos 2022 pukul 12.00 tengahari.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebutharga ini boleh menghubungi pegawai berikut :-

EN IR ALLIM BIN ABDULLAH	-	06-760 2494
EN MOHAMAD IZWAN BIN MOHD RADZI	-	06-760 2507

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN**

Bertarikh : 4hb Ogos 2022

Tarikh Kenyataan Sebutharga Ini Dikeluarkan adalah:
4hb Ogos 2022

